

فجابه فغاره تانه دان كالىن ترغكانو.



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,**

TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706 Fax : 09-6229887
3100 – 3115



PTG. TR. G /05/1988/06/03 (11)

21 R'Akhir 1423
02 Julai 2002

Pentadbir Tanah
KUALA TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
KAMAMAN.

Pentadbir Tanah
DUNGUN.

Pentadbir Tanah
BESUT.

Pentadbir Tanah
HULU TERENGGANU.

Pentadbir Tanah
MARANG.

Pentadbir Tanah
SETIU.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 5/2002

**Penggunaan Unit Ukuran Keluasan Tanah
Dalam Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

1. **TUJUAN:**

Arahan ini dikeluarkan bagi menyeragamkan penggunaan sistem metrik dalam pelupusan tanah bagi penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Ianya merupakan tambahan kepada Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil. 2/1982.

2. **LATARBELAKANG:**

Arahan dan penggunaan sekarang ialah dengan menggunakan sistem metrik sepenuhnya iaitu memakai/menggunakan unit ukuran dalam hektar (ha) atau meter persegi ($m^2/m.per$). Pemakaian/penggunaan sistem metrik ini perlu disokong dengan sistem British bagi memudah dan menampakkan keluasan sebenar semasa membincangkan kertas-kertas untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

3. **PEMAKAIAN:**

Hal yang demikian, Pentadbir Tanah dikehendaki memasukkan unit sistem British sebelah kanan dalam kurungan unit sistem metrik dalam kertas yang dimaksudkan. Contohnya, tanah berkategori pertanian ditulis dalam hektar dan ekar iaitu xxxx ha. (xxxx ekar), manakala berkategori bangunan dan perusahaan yang berkeluasan 1 hektar atau lebih ianya hendaklah ditulis dalam hektar dan ekar iaitu xxxx ha. (xxxx ekar) / sekiranya kelulusan kecil daripada 1 hektar ianya hendaklah ditulis dalam meter persegi dan kaki persegi iaitu xxxx m^2 per (xxxx ka. per).

4. **PENGUATKUASAAN:**

Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta.

Sekian, terima kasih.

“ MEMBANGUN MENURUT ISLAM ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR)
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

Fail: PTG. TR. 13/328 Jld 2